



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
23 MAC 2017**

STANDARD BARU PENGUJIAN PORCINE (KHINZIR) DNA MEMBERI KEYAKINAN KEPADA RAKYAT

PUTRAJAYA: Standard baru mengenai pengujian porcine (khinzir) DNA yang dikenali sebagai MS 2627:2017 Detection of porcine DNA - Test method - Food and food products telah berjaya dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia).

Standard ini akan memberi keyakinan kepada rakyat terhadap ujian makmal yang dijalankan untuk memastikan produk bebas daripada porcine (khinzir) DNA dan dapat digunakan tanpa was-was.

Standard ini dibangunkan ekoran daripada beberapa isu membabitkan produk yang diragui status halalnya termasuk kes coklat Cadbury.

Keputusan pengujian yang berbeza dalam kes coklat Cadbury telah membangkitkan persepsi negatif di kalangan masyarakat terhadap pengeluar sijil halal.

Sehubungan dengan itu, standard baru ini dapat membantu agensi berkaitan seperti JAKIM dalam menyediakan panduan yang jelas kepada

makmal-makmal yang menjalankan analisis DNA seperti Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Makmal Kesihatan Awam, Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), universiti, makmal-makmal swasta dan syarikat pengeluar makanan.

Standard ini dibangunkan untuk menyeragamkan kaedah pengujian porcine (khinzir) DNA yang sebelum ini yang menggunakan kaedah analisis, peralatan dan pelaksanaan juruanalisis yang berbeza bagi setiap makmal.

Dengan adanya standard ini, ia dapat mengukuhkan kredibiliti dan kompetensi makmal-makmal pengujian yang menjalankan analisis porcine DNA.

Selain standard ini, MOSTI telah meluluskan tiga lagi Malaysian Standards (MS) baru dan enam MS yang disemak semula pada bulan ini.

Sehingga kini, terdapat 5,258 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan di bawah MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092**

**Puan Kee Lai Sien
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 2211
Emel: kee@jsm.gov.my**